

BH ONLINE

UTAMA SEMASA POLITIK SUKAN DUNIA BISNES JENAYAH KOLUMNIS RENCANA

BISNES

SELASA, 12 JULAI 2016 @ 9:40 PM

Mohamad Amri CEO baharu MSM

 [Tweel](#)

 [Suka](#)  [Kongsi](#) 213

 [G+1](#) 0

KUALA LUMPUR: Mohamad Amri Sahari dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), berkuat kuasa hari ini, menggantikan Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, yang meninggal dunia, April lalu.

Mohamad Amri adalah Timbalan CEO MSM sejak Mac 2011, kata kumpulan itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia, hari ini.

Sebelum menyertai MSM, Mohamad Amri adalah Pemangku Pengurus Besar, Pemerolehan dan Perkhidmatan Bekalan bagi Felda Palm Industries Sdn Bhd.

"Saya amat berbesar hati dengan pelantikan ini dan menjadi keutamaan saya untuk memastikan visi yang ditetapkan oleh Allahyarham Dauk Sheikh dipenuhi," kata Mohamad Amri dalam satu kenyataan.

Mohamad Amri memulakan kerjaya sebagai Jurutera Kilang dengan Felda Palm Industries Sdn Bhd pada 1989 dan dilantik sebagai Pemangku Pengurus Besar, Perkhidmatan Pemerolehan dan Bekalan dalam syarikat sama.

Beliau kemudian dinaikkan pangkat menjadi Ketua Pegawai Eksekutif MSM Perlis Sdn Bhd pada 2004.

Beliau memiliki Sarjana Perniagaan dan Pentadbiran (Pengurusan Strategik) daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Mekanikal) daripada South Dakota State University, Amerika Syarikat.

Ketika memegang jawatan Timbalan CEO, beliau menerajui usaha pembangunan perniagaan dan inisiatif strategik syarikat, membangunkan rekod prestasi membina pasukan kepimpinan yang kukuh serta mencapai keputusan yang bermakna dan berkualiti tinggi.

Jawatan CEO syarikat pengeluar gula terbesar di negara itu tidak diisi sejak April tahun ini selepas kematian Sheikh Awab pada usia 56 tahun.

MSM mengusahakan perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Bhd menerusi dua anak syarikat beroperasi, MSM Prai Bhd dan MSM Perlis Sdn Bhd, serta syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE). - BERNAMA